

ANALISIS PLOT DALAM NOVEL KETIKA AZAZIL BERPUTUS ASA (2017): PERSPEKTIF TAKMILAH SHAFIE ABU BAKAR

PLOT ANALYSIS IN THE NOVEL KETIKA AZAZIL BERPUTUS ASA (2017): THE PERSPECTIVE OF TAKMILAH SHAFIE ABU BAKAR

Aisyah Zafirah Sharizal¹

Siti Normala Hamzah²

Izra Inna Hj Md Idris³

¹Pengajian Seni Liberal Penulisan Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif Universiti Teknologi Mara
(E-mail: aisyahsharizal@yahoo.com)

²Pengajian Seni Liberal Penulisan Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif Universiti Teknologi Mara
(E-mail: normalahamzah@uitm.edu.my)

³Pengajian Seni Liberal Penulisan Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif Universiti Teknologi Mara,
Corresponding Author, (E-mail: izrainna@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2022

Revised date : 4-9-2022

Accepted date : 11-11-2022

Published date : 14-11-2022

To cite this document:

Sharizal, A. Z., Hamzah, S. N., & Md Idris, I. I.
(2022). Analisis Plot Dalam Novel Ketika Azazil
Berputus Asa (2017): Perspektif Takmilah Shafie Abu
Bakar. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 7(49), 180 - 189.

Abstrak: Kajian ini memfokuskan kepada novel Islamik karya Hadi Fayyadh yang bertajuk *Ketika Azazil Berputus Asa (2017)* yang berkisarkan fitnah yang berlaku pada akhir zaman dan gambaran keadaan dunia yang semakin menghampiri pengakhirannya. Kehidupan umat Islam pada ketika itu digambarkan semakin jauh daripada nilai dan syariat Islam. Justeru itu, kajian ini menghujahkan bahawa analisis plot dalam novel *Ketika Azazil Berputus Asa* terkandung prinsip-prinsip Islam berdasarkan sudut pandang teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar. Kaedah kajian adalah secara kualitatif dengan menganalisis karya novel ini secara tekstual analisis. Kajian ini membincangkan tujuh prinsip utama, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat kamal; prinsip kerasulan sebagai insan kamil; prinsip Islam yang bersifat akmal; prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah; prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat takmilah; prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Hasil kajian mendapati analisis plot dalam novel karya Hadi Fayyadh ini memaparkan prinsip-prinsip keislaman melalui peringatan kepada umat Islam tentang kiamat seperti mana yang diceritakan dalam novelnya, iaitu *Ketika Azazil Berputus Asa*.

Kata kunci: Novel Islamik, Hadi Fayyadh, Teori Takmilah

Abstract: This study focuses on the Islamic novel by Hadi Fayyadh entitled *Ketika Azazil Berputus Asa (2017)*, which concerning the fitna that occurs at the end of the world and the description of the world that is getting closer to its end. The lives of Muslims at that time were described as getting further away from Islamic values and sharia. Therefore, this study argues that the plot analysis in the novel, *Ketika Azazil Berputus Asa* contains Islamic principles based

on the perspective of Takmilah theory pioneered by Shafie Abu Bakar. The research method is qualitative by analysing the novel work through textual analysis. This study discusses seven main principles, namely the divine principle of perfection; the principle of apostolate as a perfect human being; Islamic principles that are virtuous; principles of knowledge with literature, which is takmilah; the literary principles that are aesthetic and consist of takmilah values; the principle of the author who should improve himself and the principle of the society aims to cultivate them towards the perfect human being. The results of the study found that the plot analysis in Hadi Fayyadh's novel displays the principles of Islam through a reminder to Muslims about the end of the world as told in his novel, Ketika Azazil Berputus Asa.

Keywords: *Islamic Novel, Hadi Fayyadh and Teori Takmilah*

Pengenalan

Hubungan antara sastera dengan Islam adalah sangat rapat. Kehadiran Islam dalam sastera telah mewarnai kemajuan dalam penghasilan sastera itu sendiri. Sastera Islam merupakan gabungan dua perkataan, iaitu sastera dan Islam. Menurut Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq dan Azhar Yaacob (2015), istilah sastera bererti adab dalam bahasa Arab yang turut membawa maksud mendorong seseorang ataupun membentuk seseorang. Islam. Sastera juga merupakan medium yang turut berperanan menyalurkan nilai-nilai Islam yang dapat mengembangkan syiar Islam dalam kalangan pembaca. Namun begitu, jika sesebuah sastera itu tidak mengikut lunas Islam dan mendorong ke arah kemaksiatan serta kemungkaran maka sastera tersebut adalah dilarang sama sekali dalam Islam (Azman Bado, Abu Hassan Abdul, A. Halim Ali, 2018; & Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq, & Azhar Yaacob, 2015). Menurut Hashim Ismail (2007) pada tahun 1922 bermulanya kemunculan penulisan novel yang turut sama melahirkan gerakan kesedaran bangsa dalam kalangan pembaca ketika itu. Kebangkitan pemikiran baharu di Turki dan Timur Tengah telah mempengaruhi pemikiran umat Islam di seluruh dunia termasuk di Nusantara kemudiannya menjadi titik tolak perkembangan sastera dan novel Islam. Pada tahun 1980, penulisan sastera telah membawa pemikiran masyarakat kepada pembinaan kesedaran terhadap agama Islam (Asep Supriadi, 2011).

Novel Ketika Azazil Berputus Asa Karya Hadi Fayyadh (2017)

Naratif novel *Ketika Azazil Berputus Asa* karya Hadi Fayyadh berkisarkan perjalanan rohani Dr. Fayyadh yang berusaha mencari jawapan mengenai misteri kejadian alam dan akhirnya mengubah perspektif hidupnya untuk kembali kepada fitrah Islam. Keimanan dirinya kemudian diuji setelah bertemu dengan Dajjal.

Novel *Ketika Azazil Berputus Asa* merupakan terbitan IQES Tjjarah Trading pada tahun 2017 dan mengandungi 300 muka surat serta dilengkapi dengan prolog, sinopsis, isi kandungan, sekalong kata penghargaan. Turut dicadangkan alunan melodi *Epic Hybrid Thriller Zion Rising* dan *Nasyeed Sultan Muhammad Al-Fateh (ME)* sebagai latar muzik bagi membantu mencetuskan emosi pembaca. Novel ini juga sarat dengan nilai moral dan unsur kerohanian yang dapat membuka hati pembaca bagi mendalami agama Islam.

Analisis ini bertujuan untuk membincangkan tujuh prinsip teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar melalui penceritaan plot dalam novel *Ketika Azazil Berputus Asa*.

Teori Takmilah

Teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar (1996) merujuk kepada prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal*, prinsip kerasulan sebagai insan *kamil*, prinsip keislaman yang bersifat *akmal* (paling sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *takmilah* (sempurna), prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat *takmilah* dan prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *kamil* (Syarifah Salha Syed Ahmad et al., 2019 & Ahmad Redzaudin Ghazali et al., 2017).

Kajian Literatur

Beberapa kajian lepas telah dikumpul dan dianalisis bagi mengenal pasti kelompongan kajian. Dalam sebuah kajian yang bertajuk *Perkembangan Pemikiran Sastera Islam di Alam Melayu*, yang diterbitkan dalam *Jurnal 'Ulwan*, hasil penulisan Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman (2020) telah mengulas bahawa sastera Islam sudah bermula sejak tahun 70-an. Perkembangan sastera Islam pada ketika itu telah membantu membangkitkan gerakan dakwah Islam dan seterusnya menyumbang kepada kebangkitan pemikir Islam pada zaman tersebut. Penemuan kajian menyimpulkan bahawa kewujudan gerakan dakwah Islam ini telah memberi impak yang positif dengan meneliti kembali fungsi sastera yang banyak mengambil pandangan daripada orang Barat. Gelombang gerakan dakwah Islam ini seterusnya telah mencetuskan idea untuk menerapkan nilai Islam dalam kesusasteraan Melayu. Menurut pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001), sastera mempunyai pengaruh besar dalam membentuk pandangan hidup dan kebudayaan bangsa serta mampu mendidik akal budi dan keperibadian seseorang. Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman (2020) membahaskan bahawa sastera Islam dapat dikenalpasti apabila seseorang pengkarya berpegang kepada nilai yang positif atau nilai *ijabiyah* dan nilai realistik atau *waqi'iyah* serta meneliti dan memperincikan sesuatu perkara dengan sesuai. Sastera Islam turut menekankan kepada nilai estetika dan prinsip takamul dan takmilah. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan teori *takmilah*. Dapatandari kajian ini memperlihatkan kekuatan dan kepentingan penerapan tauhid dalam karya sastera.

Falsafah Pemikiran Sastera Islam oleh Ahmad Nabil Amir (2019) yang diterbitkan dalam *Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Keislaman* pula membincangkan definisi dan konsep pemikiran sastera Islam. Kajian ini membicarakan mengenai fungsi sastera sebagai penyampai keperihalan tauhid dan mampu mencetuskan perubahan yang positif terhadap budaya dan sosial masyarakat. Cetusan pemikiran atau idea Islamiah ini dapat diperkukuh melalui penghasilan karya yang menjurus ke arah kebaikan dengan meletakkan nilai agama Islam pada tahap yang tertinggi (Ahmad Nabil Amir, 2019). Kajian yang dilakukan adalah menyentuh kepada keperihalan bentuk pemikiran falsafah Islam mengenai pengkaryaan sastera yang menggunakan elemen keagamaan. Hasil kajian menunjukkan kepentingan memperjuangkan karya Melayu-Islam serta keperluan untuk mengangkat sastera Islam kepada kelas yang tertinggi.

Kajian Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir yang bertajuk *Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd. Affandi dengan Abu al- Hassan Ali al-Nadwi* (2011) yang diterbitkan dalam *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu* pula membincangkan berkenaan dengan konsep sastera Islam dan perkembangan sastera Islam. Kajian ini mengesahkan bahawa sastera Islam mula muncul pada sekitar 1970-an dan berkait rapat dengan gerakan dakwah pada ketika itu. Kajian ini turut menekankan pandangan Mohd. Affandi Hassan yang berhujah bahawa kesusasteraan Islam adalah penulisan esei kritis yang

membicarakan soal tauhid sebagai elemen yang penting dalam penghasilan karya. Daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa sastera adalah satu medium bagi menyampaikan pelbagai bentuk ilmu kepada masyarakat. Penekanan yang menyeluruh terhadap kepentingan ilmu dan keindahan berbahasa dalam berkarya dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.

Dalam *Pemikiran Satira dalam Sastera Dakwah di Malaysia: Satu Perbahasan Konsep* oleh Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (2020) pula membincangkan berkenaan penulisan dakwah dalam sastera Islam. Kajian ini mengkaji penulisan dakwah yang merupakan satu sunnah dengan mengambil sirah Rasulullah SAW yang pernah mengutus surat kepada pembesar kerajaan di sekitar Madinah dengan seruan supaya mereka memeluk agama Islam atau membayar *jizyah*. Penulisan dakwah tidak terhad dalam satu bentuk sahaja kerana penulisan ini boleh dikelaskan dalam dua kumpulan, iaitu kumpulan fiksyen dan kumpulan bukan fiksyen. Bidang penulisan keilmuan Islam ini seterusnya terus berkembang pesat dengan wujudnya penulisan mushaf al-Quran dan pengumpulan hadis sehinggalah lahirnya karya dalam pelbagai bidang ilmu yang lain (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, 2020). Kajian ini lebih memfokuskan kepada konsep sastera satira dalam karya *indie* di Malaysia namun penulisannya tetap membantu dalam memperincikan pemahaman mengenai penulisan dakwah Islam dalam bentuk sastera.

Analisis Novel *Ketika Azazil Berputus Asa Karya Hadi Fayyadh*

Perbincangan analisis ini dibahagikan mengikut tujuh perspektif teori takmilah bagi melihat nilai-nilai Islam yang masih wujud dalam jiwa umat Islam pada akhir zaman melalui plot *Ketika Azazil Berputus Asa* (2017.)

Prinsip Ketuhanan yang bersifat *Kamal*

Dalam teori Takmilah, wujudnya prinsip ketuhanan yang bersifat kamal. Menurut Rosnani Ripin (2017), prinsip ketuhanan yang bersifat kamal adalah sifat Allah SWT yang Maha Sempurna. Prinsip pertama ini adalah bagi menjelaskan perkaitan antara dua sifat Allah SWT iaitu, kamal dan jamal yang bererti keindahan. Kesempurnaan Allah SWT dapat dilihat daripada kejadian alam dan makhluk ciptaan-Nya. Dalam peringkat permulaan plot telah dicitrakan fenomena alam yang luar biasa seperti posisi bintang Sirius yang tidak sejajar, dan fenomena Aurora, kejadian bulan gerhana, kejadian Tsunami dan sebagainya. Kesemua ini merupakan suatu fenomena alam yang membuktikan kebesaran Maha Pencipta yang menciptakan setiap proses fenomena alam tersebut. Pencitraan fenomena alam ini turut memberi penyataan mengenai keindahan alam yang menghiasi bumi dan mampu mendidik manusia untuk sentiasa bersyukur dan memuji kebesaranNya. Watak Dr. Fayyadh mengakui bahawa dirinya tidak berpegang dengan kepercayaan agama dan tidak mempercayai kewujudan Sang Pencipta, Allah SWT. Tanpa iman, Dr. Fayyadh tidak merasakan pertalian antara kejadian alam tersebut dengan kebesaran tuhan yang menciptaNya. Sebagaimana dalam surah An-Naz'iat yang menyebut kisah orang kafir yang telah diberi peringatan mengenai kejadian hari Kiamat tetapi malangnya mereka tidak mempercayainya dan kelak merekalah yang menjadi golongan paling menyesal kerana menolak kebenaran yang sudah tertulis dalam kitab al-Quran (Muhammad Luthfi Usman, 2022). Rosnani Ripin (2017) pula menjelaskan bahawa keimanan yang dimiliki oleh seseorang membolehkan mereka menghayati dan mentafsir kebesaran ciptaan-Nya. Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019) turut berpendapat bahawa keimanan seseorang dapat dipelihara dan dipupuk serta diperkukuhkan melalui penghayatan dengan melihat kebesaran ciptaan Allah SWT.

Pada peringkat permulaan ini, diceritakan bahawa Dr. Fayyadh bersama Christine yang berada di Gunung Kinabalu untuk kerja pencerapan bintang telah menemui kedudukan bintang di angkasa lepas yang tidak sejajar. Fenomena angkasa ini dipercayai akan mencetuskan tragedi Black Cosmos Wave atau gelombang hitam kosmos yang dahsyat pada lima tahun akan datang. Fenomena angkasa pada malam tersebut diikuti dengan pergerakan bintang Sirius yang amat berbeza dengan kiraan detik yang sepatutnya serta fenomena aurora di langit yang luar biasa. Christine menyatakan bahawa fenomena ini merupakan ambang apokalips yang akan menghancurkan bumi.

Prinsip Kerasulan sebagai Insan *Kamil*

Seterusnya, prinsip kerasulan sebagai insan *kamil*, iaitu Nabi Muhammad, Rasul Allah atau Rasulullah SAW yang diutuskan untuk menjadi teladan kepada seluruh umatnya. Rasulullah SAW mempunyai akhlak yang terpuji dan merupakan seorang pemimpin yang berwibawa. Keperibadian yang mulia ini menjadikan baginda seorang insan *Kamil* (Mohd Haniff Mohammad Yusoff, 2019). Mohd Haniff Mohammad Yusoff turut menjelaskan pandangan Kamariah Kamarudin (2017) mengenai wujudnya tiga konsep insan terbaik iaitu, insan *kamil*, insan khalifah dan insan *rabbani* yang diukur mengikut tahap keimanan manusia dalam menyempurnakan perintah Allah SWT. Insan *kamil* menjelaskan keperibadian individu muslim, dan insan khalifah pula memperlihatkan perwatakan seseorang pemimpin Islam manakala insan *rabbani* menonjolkan keperibadian ummah.

Perwatakan watak Dr. Fayyadh seorang pendidik yang merendah diri, memiliki tekad yang kuat, menghormati orang lain, seorang sahabat baik yang penyayang, dan memiliki budi pekerti yang tinggi menjadikan dirinya sebagai insan *kamil* sepertimana yang dicontohi melalui keperibadian dan akhlak mulia baginda, Rasulullah SAW. Sebaliknya, watak Dr. Baihaqi pula memperlihatkan sisi seorang muslim yang hina kerana sanggup mengkhianati agamanya sendiri dan memanipulasi serta menipu sahabat seperjuangannya. Pengkhianatan Dr. Baihaqi terhadap kumpulan rombongan yang seharusnya dipimpin olehnya dengan penuh tanggungjawab terdedah apabila dirinya meninggalkan kumpulannya begitu saja kerana ingin menjadi pengikut Dajjal yang setia.

Pada peringkat perkembangan plot, Dr. Fayyadh mula melakukan pencarian maklumat dan kajian sendiri berkaitan dengan bintang Sirius namun masih belum menjumpai jawapan yang mutlak yang menyebabkan dirinya membuat keputusan untuk merujuk buku sejarah Mesir dan kitab-kitab kuno bagi mendapatkan penjelasan mengenai keperihalalan alam yang sebenar. Akan tetapi, setiap pembacaan yang dilakukannya itu menjadikannya semakin tertarik untuk melihat konsep alam daripada pelbagai perspektif. Pencarian Dr. Fayyadh berlanjutan kepada carian maya bagi mendapatkan jawapan daripada perspektif agama mengenai kejadian alam ini. Dr Fayyadh mula membaca kitab-kitab lama seperti Zabur, Injil, dan Taurat namun masih gagal mencari jawapan yang konkrit mengenai segala fenomena aneh yang belaku sehinggalah dirinya merujuk kepada al-Quran. Pencarian rohani ini membuka jalan Dr. Fayyadh ke Mekah bagi bertemu seorang Syeikh yang membantu dirinya mencari tuhan yang sebenar. Kesungguhan Dr. Fayyadh dalam mencari kebenaran akhirnya memacunya kembali kepada Islam sebagai agama yang benar. Pencitraan perwatakan Dr. Fayyadh adalah seorang yang tekun dan gigih dalam mencari kebenaran, pengetahuan dan pemahamannya berkenaan alam semesta secara tidak langsung turut membantu pembentukan peribadi dirinya menuju ke arah insan *kamil*

Prinsip Islam yang Bersifat *Akmal*

Prinsip Islam yang bersifat *Akmal*, iaitu huraian kepada agama Islam sebagai satu-satunya agama yang direndah Allah. Dalam kitab suci Al-Quran turut membincangkan mengenai kesempurnaan ajaran agama Islam (Rosnani Ripin, 2017). Hal ini membawa maksud bahawa Islam adalah agama yang sempurna dan mulia di sisi Allah SWT. Islam telah mendidik ummah erti kehidupan berlandaskan pegangan yang sempurna yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW. Setiap muslim seharusnya lebih memahami nilai agama Islam kerana Islam adalah sebuah agama yang sempurna. Hal ini telah diujahkan oleh Kamariah Kamarudin (2016), yang menyatakan al-Quran merupakan sebuah rujukan utama dalam Islam yang telah menggariskan kesempurnaan dalam beribadat bagi mendapatkan sebuah kehidupan yang harmoni. Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019), turut berpendapat bahawa Islam merupakan sebuah agama yang sempurna sepertimana yang tercatat dalam surah *al-Mai'dah*.

Pada peringkat perkembangan plot, telah digambarkan cetusan gelora perasaan dan hati Dr. Fayyadh untuk mencari kebenaran dan sekaligus mengenal agamanya. Sewaktu di Mekah ketika dirinya bersama Syeikh, Dr. Fayyadh menyatakan bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya. Pernyataan tersebut ditolak oleh dengan mengatakan bahawa perihal tersebut adalah mustahil kerana tidak wujudnya sesebuah objek yang dicipta dengan sendiri begitu juga dengan alam ini yang sebesar semesta. Penerangan yang telah diberikan oleh Syeikh telah menunjukkan kehebatan dan kekuasaan Allah SWT sebagai sang Pencipta dan hanya agama Islam sebagai jawapan kepada setiap kemusykilan yang wujud. Jawapan hikmah dan bijaksana berlandaskan bukti aqli dan naqli telah menunjukkan kehebatan dan kekuasaan Allah SWT sebagai Sang Pencipta dan hanya agama Islam sebagai jawapan kepada setiap kemusykilan yang wujud. Kebenaran ini telah membuka hati Dr. Fayyadh untuk kembali kepada fitrahnya dengan memeluk agama Islam.

Pada peringkat klimaks pula menunjukkan rombongan Dr. Fayyadh dan sahabat yang lain berada di kota Syira untuk menjalankan misi kemanusiaan. Dalam perjalanan rombongan tersebut, mereka terpaksa bersembunyi di dalam gua. Atas nasihat seorang penduduk tempatan, mereka kemudiannya bertolak ke kota Aleppo tidak jauh dari kota Damsyik seusai fajar setelah solat subuh berjemaah. Mereka bertolak dengan menyusur keluar dari sebuah lubang gua dengan kepayahan. Gambaran kesusahan yang dihadapi oleh rombongan Dr. Fayyadh ini memberi simbolik situasi sukar akhir zaman di mana ibadah tidak lagi dapat dilakukan secara bebas oleh umat Islam, namun ibadah itulah yang akan menjadi cahaya penyuluh jalan buat mereka yang berada dalam kesukaran (Muhammad Luthfi Usman, 2022).

Dinamik cerita yang didasari prinsip Islam bersifat *Akmal* kemudiannya bergerak kepada babak pengikut Dajjal yang berteriak menyatakan manusia harus tunduk kepada Dajjal kerana dialah Tuhan yang berkuasa. Kesemua tahanan diminta memberi tunduk hormat kepada Dajjal. Walau bagaimanapun Dr. Fayyadh berkeras untuk tidak tunduk selain daripada Allah yang Esa. Kedegilan Dr Fayyadh ini membawa dirinya bersemuka dengan Dajjal. Keberaniannya mencabar Dajjal menyebabkan dirinya dijatuhkan hukuman bunuh. Tanpa rasa sekelumit penyesalan, Dr. Fayyadh berpegang teguh kepada agamanya walaupun telah ditawarkan kuasa dan segala kekayaan.

Pada peringkat peleraian, percubaan untuk membunuh Dr. Fayyadh gagal apabila askar Dajjal diserang hendap oleh tentera-tentera Islam yang datang untuk menyelamatkan mangsa. Dr. Fayyadh kemudiannya bersama Imam Mahadi dan tentera Islam bangkit memerangi Dajjal. Dalam kekalutan perang, salah seorang penasihat kanan Dajjal jatuh hadapan Dr. Fayyadh

sehingga tertanggal penutup wajahnya. Di situ barulah Dr. Fayyadh menyadari bahawa dialah Dr. Baihaqi, sahabatnya yang disangkakan telah mati ditangan Dajjal. Watak Dr. Baihaqi mewakili individu yang sanggup mengkhianati agama Islam dengan mengikuti Dajjal pada akhir zaman nanti. Hal ini turut memperlihatkan keadaan ummah pada akhir zaman nanti yang terleka akan dunia dan tidak memiliki sifat sabar dan tabah dalam menghadapi ujian dari Allah SWT.

Prinsip Ilmu dengan Sastra yang Bersifat *Takmilah*

Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019) dan Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, dan Khairatul Akmar Abd. Latif (2017), mengambil pandangan daripada Shafie Abu Bakar (1996) yang menjelaskan prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat *Takmilah* (sempurna), iaitu hubungan yang melibatkan akal dan hati. Rosnani Ripin (2017) menyatakan bahawa akal adalah satu alat yang paling utama dalam mempelajari sesuatu ilmu bahkan ilmu tersebut adalah alamiah dan rasional. Penulis, Hadi Fayyadh telah menciptakan satu watak yang memiliki ilmu yang tinggi mengenai astronomi dan kajian bintang. Dr. Fayyadh, seorang pakar pergerakan bintang cuba mencari penjelasan di sebalik pergerakan bintang Sirius yang tidak sejajar dari kedudukannya. Natijah pencarian tersebut membawa dirinya kembali kepada fitrah dan agamanya.

Walaupun di awal plot Dr. Fayyadh telah bertemu dengan dua orang ustaz, iaitu Ustaz Kamalullah dan Ustaz Hanafi bagi memperdalam ilmu agama Islam namun dirinya masih tidak berpuashati dengan jawapan yang diberikan. Rusman H. Siregar (2020) mengulas pandangan Ustaz Farid Nu'man Hasan, bahawa pada akhir zaman akan wujud ramai ahli agama dan ahli al-Quran tetapi kurangnya ahli fiqh, iaitu ahli yang fasih tentang ilmu fiqh dan hukum dalam Islam. Rusman turut menjelaskan bahawa pada akhir zaman akan muncul golongan yang akan menyebarkan kebodohan dan kepalsuan dalam ilmu agama disebabkan ramainya ulama dan ahli fiqh yang meninggal dunia, dan golongan inilah yang menyatakan bahawa yang haq itulah yang bathil serta mereka yang masih berpegang kepada sunnah pula dikatakan sebagai satu perbuatan yang asing. Pencarian ilmu dan kebenaran oleh Dr. Fayyadh ini merupakan cerminan prinsip ilmu yang bersifat *Takmilah* (sempurna), iaitu hubungan yang melibatkan akal dan hati.

Prinsip Sastra Sendiri yang Berciri Estetik dan Bersifat *Takmilah*

Berdasarkan prinsip ini, teori *Takmilah* yang dikemukakan oleh Shafie membawa penelitian terhadap ciri estetik yang menjadikan sesebuah karya itu bersifat *takmilah*. Karya dalam konteks teori ini menjelaskan faktor-faktor yang sepatutnya dapat mengangkat martabat sesebuah karya. Ciri estetik dalam konteks Islam menonjolkan tahap keprihatinan manusia meneliti alam dan kehidupan ini untuk diaplikasikan dalam karyanya. karya dinilai melalui kandungannya yang bercirikan lahiriah, iaitu yang mengandungi teknik penciptaan sesebuah karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada, stilistik, rima, matra, suku kata, asonansi dan aliterasi. Bercirikan maknawi pula, iaitu yang mengandungi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan, nilai, simbol, metafora, simile dan sebagainya. Elemen ini melengkapkan proses pembinaan sesebuah karya secara kreatif, indah dan berseni. Perkara ini merupakan aspek *takmilah* dalam sesebuah karya sastra.

Contoh metafora sastra penunggu gua serta amanatnya, makhluk berbulu yang boleh berbicara serta keajaiban wanita yang mampu menyusukan 10 orang anak di zaman kemarau kering kontang memberi simbolisme mengenai iblis, dajjal serta kemusnahan dunia yang berada di ambang akibat kiamat. Keindahan angkasa raya yang diterjemahkan sebagai kiasan kepada kebesaran Sang Pencipta turut mengangkat nilai estetika penulisan novel ini yang bersifat *Takmilah*.

Prinsip Pada Pengkarya yang Seharusnya Mengistikamalkan Diri

Dalam teori takmilah terdapat prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamalkan diri. Prinsip tersebut menyatakan seseorang pengkarya seharusnya melengkap diri dengan ilmu-ilmu agama yang mampu menghubungkan sastera dengan Islam. Pernyataan ini adalah atas dasar pengkarya mempunyai tanggungjawab menyampaikan ilmu kepada pembacanya (Rosnani Ripin, 2017). Keseluruhan naratif novel ini menunjukkan penulis, Hadi Fayyadh telah membuat kajian yang mendalam dengan mengumpul maklumat dan bahan cerita bagi menuliskan sebuah naratif yang padat dengan perjalanan rohani mencari agama. Terdapat kumpulan hadis dan hujahan aqli dan naqli yang diselitkan bagi menerangkan kemunculan Dajjal, fitnah Dajjal, hari kiamat dan kebesaran tuhan dalam penciptaan semesta alam. Peringatan berkenaan hari kiamat ini sememangnya telah lama dibincangkan, sebagaimana perbincangan Khairul Asyraf Mohd Nathir et.al (2020) mengenai pandangan Al-Qurtubi (2004), iaitu terdapat lebih dari 27 lafaz hari kiamat yang terkandung dalam al-Quran. Ini bermakna peringatan berkenaan hari kiamat ini telah lama wujud. Penulis novel *Ketika Azazil Berputus Asa* hanya menggunakan rujukan daripada al-Quran dan hadis untuk membuktikan perihal kiamat dan keadaannya kelak.

Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Ke Arah Insan Kamil

Teori takmilah, iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk ke arah insan *kamil* bermaksud sesebuah karya penulis haruslah bersifat *takmilah* bagi membantu untuk memupuk sifat *kamil* dalam kalangan pembaca (Mohd Haniff Mohammad Yusoff, 2019). Sebagai contoh, terdapat plot yang menceritakan seorang lelaki berbangsa Arab yang bernama Ameerullah yang cuba untuk membunuh diri. Ameerullah memberitahu Dr. Fayyadh dan rombongannya bahawa keluarganya mati dalam satu serangan. Berikutan kesedihan itu, Ameerullah membuat keputusan untuk membunuh diri namun keputusannya berubah setelah menerima sehelai nota kecil yang memberitahu ujian Allah adalah untuk membawa insan mendekati-Nya. Kisah itu boleh menjadi iktibar mengenai ketabahan dan kesabaran dalam menghadapi ujian Allah. Begitu juga kisah seorang wanita bersama dengan enam orang bayi yang sihat, di saat penduduk seluruh dunia dalam kelaparan, namun tiada yang mustahil jika itulah ketentuan-Nya. Kisah itu menjadi iktibar tentang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Ujian yang dihadapi oleh rombongan itu jelas menunjukkan bahawa walaupun keadaan dunia dalam kucar-kacir namun masih setia berpegang teguh dengan keimanan.

Kesemua kisah itu bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pembaca mengenai kesabaran dan ketabahan kerana setiap muslim yang tabah dan sabar menghadapi ujian daripada Allah pasti akan mendapat ganjaran yang besar di sisiNya kelak. Rosnani Ripin (2017), menyebutkan bahawa hubungan antara karya penulis dengan khalayak adalah bagi memperlihatkan cara penulisan yang dilakukan itu benar-benar dapat memupuk sifat yang baik, iaitu kamil dalam diri pembaca. Dr. Fayyadh dan sahabat memberi citra perjuangan sehingga ke akhirnya demi agama dengan mempasrahkan diri kepada Allah dan sentiasa bertawakal kepadaNya.

Kesimpulan

Dalam perbincangan ini dapat dinyatakan bahawa penulis, Hadi Fayyadh, menggunakan karyanya sebagai satu peringatan kepada umat Islam tentang hari kiamat sepertimana yang diceritakan dalam novelnya, iaitu *Ketika Azazil Berputus Asa*. Novel ini merangkumi prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal*, prinsip kerasulan sebagai insan *kamil*, prinsip keislaman yang bersifat *akmal* (paling sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *takmilah* (sempurna), prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat *takmilah* dan prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamalkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *kamil* seperti yang digagaskan dalam teori takmilah. Unsur dakwah,

perjuangan menentang kemungkar, jihad dan keagungan tuhan yang diterapkan dalam plot novel dapat memimpin pembaca untuk membina keperibadian sebagai seorang muslim yang *kamil*.

Rujukan

- Abdul Hakim Abdullah., Mohd Taufiq Abd. Talib., & Azhar Yaacob. (2015). Kupasan lanjut terhadap konsep dan peranan pendekatan sastera Islammoden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 170-180. <https://doi.org/10.37231/jimk.2015.9.0.89>
- Adli Yaacob. (2018). Konsep sastera Islam oleh Kassim Ahmad. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 1(4), 66-93. <http://irep.iium.edu.my/57448/>
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah pemikiran sastera Islam. *Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*, 05(01), 165-180. <https://doi.org/10.24952/fitrah.v5i1.1365>
- Ahmad Nabil Amir., & Tasnim Abdul Rahman. (2020). Perkembangan pemikiran sastera Islam di Alam Melayu. *Jurnal 'Ulwan*, 05(01), 155-168. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/697> Ahmad Redzaudin Ghazali., Mohamad Rofian Ismail., & Khairatul Akmar Abd.
- Latif. (2017). *Analisis takmilah novel sarjana bangsa* [Abstrak pembentangan persidangan]. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2017/1017.pdf>
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2020). Pemikiran satira dalam sastera dakwah di Malaysia: Satu perbincangan konsep. *Jurnal Melayu Sedunia*, 03(01), 148-184. <https://jml.um.edu.my/index.php/jurnal melayusedunia/article/view/27635/12465>
- Asep Supriadi. (2011). Takmilah: Menuju teori sastra Islami. *Jurnal Balai Bahasa Jawa Timur*, 14(2), 242-253. <https://doi.org/10.24257/atavisme.v14i2.72.242-253>
- Azman Bado, Abu Hassan Abdul, A. Halim Ali. (2018). Unsur-unsur akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa. *Jurnal Peradaban Melayu* 13: 58-70. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/2360>.
- Beni Akbar., Akhmad Sagir., Muhammad Hasan., & Ibnu Khaldun. (2022). *Prosiding: Webinar antarabangsa tafsir & hadis Nusantara 2.0*. [Abstrak pembentangan persidangan]. Program pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. <http://idr.uin-antasari.ac.id/19013/>
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18(1), 24-40. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9720>
- Kamariah Kamarudin. (2016). Revolusi yang ditangguhkan karya Shannon Ahmad berdasarkan perspektif takmilah. *Malay Literature*, 29(2), 233-249. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/13628>
- Khairul Asyraf Mohd Nathir., Mohd Sukki Othman., Nik Farhan Mustapha., & Wan Muhammad Wan Sulong. (2020). *International Journal of Islamic and Civilisational Studies*, 7(1), 85-101. <https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/365>
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2019). Highlighting human as a servant to God in 'Hari yang Bergelar Kematian' short story: Based on Takmilah theory. *Jurnal Intelek*, 14(2), 136-143. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/41823/>
- Muhammad Luthfi Usman. (2022). Kejadian akhir zaman di dalam al-Quran. *Universitas Islam Indonesia, Jurusan Informatika*. <https://informatics.uui.ac.id/2022/01/18/kejadian-akhir-zaman-di-dalam-alquran/>
- Nur Mohammad Hadi Zahalan. (17 Julai, 2020). Kita sudah berada di akhir zaman... Ambillah iktibar berdasarkan 4 tanda pesan nabi. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2020/07/17/kita-sudah-berada-di-akhir-zaman-ambillah-iktibar-berdasarkan-4-tanda-pesan-nabi>

- Rahmah Ahmad H. Osman., & Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Sastera Islam: Satu perbandingan antara pandangan Mohd. Affandi dengan Abu al- Hasan Ali al-Nadwi. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, 3, 55-81. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/7810>
- Rosnani Ripin. (2017). *Takmilah Novel Seteguh Fikrah Saleha, karya Aminah Mokhtar* [Abstrak pembentangan persidangan]. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/sosiobudaya/05-ROSNANI-RIPIN-edt.pdf>
- Rusman H. Siregar. (2022). Peringatan Rasulullah SAW tentang keadaan akhir zaman. *Kalam*. <https://kalam.sindonews.com/read/693123/70/peringatan-rasulullah-saw-tentang-keadaan-akhir-zaman-1645498943>
- Rusman H. Siregar. (2020). Akhir zaman banyak penceramah dan ahlibaca Qur'an, tapi sedikit Fuqaha. *Kalam*. <https://kalam.sindonews.com/read/142736/69/akhir-zaman-banyak-penceramah-dan-ahlibaca-quran-tapi-sedikit-fuqaha-1598274533>
- Shafie Abu Bakar. (1996). *Takmilah: Teori, falsafah dan prinsip* dlm. Mana Sikana (ed). Teori Sastera dan Budaya dalam kajian akademik. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu. (1997). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sri S. Syam. (2020). 7 pengikut Dajjal di akhir zaman, diantaranya pemuda yang fasih baca Alquran. *Sindonews.com Makassar*. <https://makassar.sindonews.com/read/81908/716/7-pengikut-dajjal-di-akhir-zaman-diantaranya-pemuda-yang-fasih-baca-alquran-1593126385>
- Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin & Adenan Ayob. (2019). Aplikasi teori takmilah dalam fara'id al-Fawa'id al-Fikra fi al-Imam al-Mahdi: Satu analisis kepimpinan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 04(17), 20-30. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=5298>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization.